

# **KONSEP ‘MASLAHAH’ DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG BAIK: TINJAUAN KHUSUS TERHADAP HUKUMAN HUDUD**

Oleh: Mansor Bin Sulaiman (UMP)

## ***Abstrak***

Kajian ini cuba mengutarakan keunikan undang-undang jenayah Islam yang bertunjangkan konsep penjagaan *maslahah* masyarakat manusia. Menerusi undang-undang seperti ini, ia dapat membawa kepada pembentukan masyarakat manusia yang baik berikutan terpeliharanya *maslahah* umum di dalam masyarakat itu sendiri. Sehubungan dengan itu, tulisan ini akan cuba mengupas salah satu daripada undang-undang jenayah Islam iaitu hukuman hudud sebagai penjelasan terhadap keterangan di atas. Antara lainnya penulis akan mengutarakan beberapa keunikan hukuman hudud yang bertitik-tolak daripada konsep *maslahah* itu sendiri. Seterusnya penulis akan mengupas bagaimana keunikan itu memandu kepada pembentukan masyarakat yang baik. Bagi mencapai objektif di atas, kajian ini akan menggunakan kaedah *qualitative* iaitu hasil-hasil yang diperolehi hanya bersandarkan kepada kaedah kajian perpustakaan melalui sumber-sumber seperti al Quran, al Hadith, tulisan-tulisan berkaitan konsep maslahah, undang-undang jenayah Islam, konsep pembentukan masyarakat yang baik dan sebagainya. Akhirnya, diharapkan tulisan ini dapat memberikan sumbangan kepada memantapkan khazanah ilmu berkaitan perundangan Islam dan seterusnya menolak kepada keinginan untuk melaksanakannya sebagai undang-undang yang digunakan di Malaysia khususnya.

## **1.0.PENDAHULUAN**

Kekukuh dan keharmonian kehidupan sesebuah masyarakat adalah berkait-rapat dengan sejauh mana pemeliharaan terhadap *maslahah* umum. Ini adalah disebabkan sesebuah masyarakat terdiri daripada kelompok individu yang besar bilangannya. Perlakuan-perlakuan di kalangan ahlinya yang hanya mementingkan kepentingan-kepentingan peribadi sahaja tanpa menghiraukan kesannya terhadap masyarakat umum mampu memberi kesan negatif kepada kehidupan masyarakat tersebut. Oleh kerana itu, pemeliharaan *maslahah* umum mampu menyelamatkan masyarakat daripada kerakusan yang lahir daripada sikap individualistik sesetengah ahli masyarakat tersebut.

Berhubung perkara di atas, Islam telah mengemukakan suatu undang-undang jenayah yang mengenangkan konsep penjagaan *maslahah* umum dalam perlaksanaannya bagi membendung daripada berlakunya jenayah yang terbit daripada sikap mementingkan diri di kalangan manusia. Ia bersesuaian dengan maksud penurunan syariat Islam itu sendiri yang bertujuan untuk membentuk masyarakat yang baik. Dalam erti kata lain, penetapan undang-undang jenayah Islam yang terkandung di dalamnya hukuman hudud adalah bertujuan untuk memelihara masyarakat daripada kerosakan melalui ketetapan Allah seterusnya membawa kepada pembentukan masyarakat yang baik.

## **2.0.KONSEP MASLAHAH DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM**

*Maslahah* merupakan salah satu daripada perkara asas yang dibicarakan dalam perbincangan berkenaan syariat Islam. Dalam tulisan ini penulis akan membincangkannya secara berperingkat-peringkat bermula daripada kaitannya dengan syariat Islam, seterusnya undang-undang jenayah Islam, hudud sehingga ke kepada kaitannya dengan pembentukan masyarakat yang baik.

### **2.1.KONSEP MASLAHAH DAN SYARIAT ISLAM**

Al-Ghazali (t.th: 287) menyatakan bahawa *maslahah* pada asalnya adalah merupakan suatu yang berkonseptan penghasilan manfaat dan penolakan kemudaratian. Beliau seterusnya menyatakan bahawa *maslahah* yang dikemukakan oleh syariat Islam bertujuan untuk memelihara matlamat penurunan syariat itu sendiri iaitu memastikan dan memelihara *maslahah-maslahah* yang kembali kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada

kemudaratan berteraskan kepada pemeliharaan 5 perkara iaitu agama, diri, akal, zuriat dan harta. Oleh itu, sebarang tindakan yang merosakkan 5 perkara ini dikira sebagai *mafsadah* (kerosakan) manakala memeliharanya pula dikira *maslahah*.

Berhubung perkara ini, Dr. Said Ramadhan al-Buti (1982: 73) menyatakan bahawa para ulama telah bersepakat (*ijma<sup>c</sup>*) bahawa seluruh hukum Allah adalah bersifat menjamin *maslahah* manusia di dunia dan akhirat selari dengan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكُمْ إِلَّا رَحْمَةً لِّلنَّاسِ

Maksudnya:

“Dan tidaklah kami mengutuskan kamu wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat kepada alam ini”

(al-Quran; al-Anbiya’: 107)

Beliau (al-Buti, 1982: 75) seterusnya menyatakan bahawa penurunan para rasul membawa syariat kepada manusia ini adalah sebagai rahmat apabila syariat yang dibawanya itu menepati *maslahah* serta menjamin kebahagiaan mereka. Sekiranya tiada maksud-maksud ini dalam syariat, maka ia bukanlah rahmat kepada manusia tetapi sebaliknya sebagai kecelakaan kepada mereka. Perkara ini boleh difahami dengan lebih jelas menerusi kenyataan al-Syatibi (1969: 162) yang mengaitkan syariat sebagai sebab kepada terhasilnya *maslahah* seperti berikut:

“Setiap sebab yang disyariatkan padanya, terdapat *maslahah* yang disebabkan *maslahah* tersebut disyariatkan. Sekiranya didapati daripada sebab tersebut terserlah *mafsadah* maka

*ia bukan suatu yang berpunca daripada sebab yang disyariatkan tersebut. Dan tidaklah sesuatu sebab itu ditegah oleh syarak melainkan padanya terdapat mafsadah yang disebabkan mafsadah tersebut ia ditegah. Sekiranya didapati daripada sebab tersebut terserlah maslahah, maka ia bukan suatu yang berpunca daripada sebab yang ditegah tersebut”.*

Berdasarkan perkara di atas, *maslahah* merupakan jaminan manfaat yang diberikan Allah hasil daripada perlaksanaan ketentuan daripadaNya.

## **2.2.NERACA PENENTUAN *MASLAHAH* DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM**

Para ulama telah membahagikan *maslahah* kepada 2 bentuk iaitu *maslahah* yang berbentuk tetap dan *maslahah* yang boleh berubah-ubah. *Maslahah* yang boleh berubah-ubah merujuk kepada *maslahah* atau kepentingan yang boleh berubah mengikut keadaan, suasana dan individu sepetimana dapat dilihat pada hukuman dan jenayah *ta'zir* yang boleh berubah-ubah. Manakala *maslahah* yang bersifat tetap adalah seperti pengharaman melakukan jenayah-jenayah yang diharamkan oleh syariat Islam seperti zina, mencuri, membunuh dan sebagainya (al-<sup>c</sup>Alim, 1991: 154).

Kedua-dua bentuk *maslahah* ini walaupun dilihat berbeza dari sudut bentuk tetapi kedua-duanya dikira sebagai *maslahah* melalui penentuan nas yang bebas daripada campurtangan nafsu manusia. Berhubung dengan *maslahah* yang berbentuk berubah-ubah, ia ditentukan melalui nas bersifat tetap untuk fenomena yang berbeza mengikut perubahan-perubahan yang berlaku. Sebagai contohnya, perbezaan hukum disebabkan perbezaan adat di sesuatu tempat

pada hakikatnya tidaklah disebabkan perbezaan penjelasan nas terhadap perkara tersebut. Hakikatnya adat-adat dengan hukum-hukum yang berbeza ini merujuk kepada rujukan terhadap asal yang ditentukan oleh Islam iaitu nas-nas dalam bentuk umum yang berperanan menjelaskan berkenaan hukum-hukum baharu. Dalil kepada pernyataan ini ialah apabila sesuatu adat itu lari daripada konsep-konsep yang telah dikemukakan oleh Islam maka ia tidak diperakui sebagai hukum dalam syariat Islam (al-<sup>c</sup>Alim, 1991: 154). Manakala *maslahah* yang berbentuk tetap ia secara jelas mendapat penetapan daripada nas sepertimana yang dapat dilihat daripada contoh-contoh yang telah dikemukakan (al-<sup>c</sup>Alim, 1991: 45).

### **3.0.KONSEP HUKUMAN HUDUD**

#### **3.1.DEFINISI HUKUMAN HUDUD**

Perkataan Hudud berasal daripada perkataan “ *al had*” dalam bahasa Arab yang membawa maksud pencegahan. Dalam Bahasa Arab kita dapat melihat banyak perkataannya yang menjurus kepada maksud pencegahan telah menggunakan perkataan *al-had* sebagai kata asalnya. Di antaranya ialah penjaga rumah dan penjaga penjara disebut dalam bahasa Arab sebagai *haddad* (yang asalnya daripada perkataan *al-had*) disebabkan tugas mereka yang bersifat pencegah kepada sesiapa yang tidak berkenaan daripada keluar masuk rumah atau penjara. Begitu juga bagi menggambarkan maksud hukuman dalam bahasa Arab, mereka telah menggunakan perkataan hudud disebabkan peranannya yang bersifat pencegahan daripada tindakan-tindakan yang boleh membawa kepada dikenakan hukuman-hukuman tersebut (Bahnasi, 1983: 21). Manakala dari sudut istilah pula, para ulama telah mengistilahkan hudud sebagai hukuman-hukuman yang ditetapkan kadar dan bentuknya oleh syarak serta wajib dilaksanakan. Dalam takrifan ini, para ulama telah mengkategorikan

hukuman hudud sebagai hukuman yang tergolong dalam kategori hak Allah (^Audah, 1992: 1: 343-344)

Berdasarkan kepada takrif yang dikemukakan, ia menunjukkan bahawa hudud adalah merupakan hukuman yang diturunkan oleh Allah s.w.t melalui nas-nasnya sama ada melalui al-Quran atau al-Sunnah. Iaitu ketentuan jenayah , bentuk hukuman, kadar hukuman serta undang-undang prosedur perlaksanaan hudud kesemuanya adalah bersumberkan daripada Allah yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Hadith. Oleh kerana penetapan secara terus menerusi nas inilah menyebabkan ia tidak boleh diubah walupun berlaku perubahan zaman dan keadaan sepetimana yang disebutkan oleh Allah:

لَا تَبْدِيلٌ لِّكَلْمَاتِ اللَّهِ

Maksudnya:

“Tiada penggantian kepada kalimah Allah”

(Al-Quran, Yunus 10: 46)

### **3.2.RASIONAL KETENTUAN JENAYAH DAN HUKUMAN HUDUD**

Hukuman hudud yang ditentukan Allah dengan penjelasan secara terperinci menerusi al-Quran dan al-Hadith ini adalah bagi menangani masalah-masalah jenayah yang lahir daripada tabiat yang bersifat tetap dalam diri manusia dari sepanjang zaman. Sebagai contohnya, masalah zina, ia suatu yang wujud sepanjang zaman, sama ada dalam kehidupan masyarakat moden atau mundur. Ia lahir sekiranya nafsu seksual dalam diri manusia tidak dikawal mengikut cara yang sepatutnya, begitu juga jenayah mencuri, ia juga wujud sepanjang zaman,

ia lahir hasil daripada tiada kawalan kepada nafsu keinginan untuk memiliki sesuatu yang berada dalam diri manusia, begitu juga jenayah minum arak, ia juga berlaku sepanjang zaman hasil daripada gagalnya manusia mengawal nafsu berkaitan makan dan minum. Kesemua perkara ini secara umumnya sehingga kini masih tidak berubah dan manusia akan terjebak untuk melakukannya sekiranya tidak mengawal diri sepertimana yang dianjurkan syariat Islam.

Bertitik-tolak daripada jenayah yang lahir daripada tabiat manusia yang bersifat tetap ini, maka Islam telah mengemukakan penyelesaian bersifat tetap yang bersesuaian dengannya menerusi hukuman hudud. Penetapan ini sesuai bagi menangani permasalahan jenayah yang dipersaksikan berlaku sepanjang zaman berpunca daripada naluri-naluri semulajadi manusia yang bersifat tetap walaupun berlaku perubahan masa dan keadaan seperti zina, mencuri, minum arak dan sebagainya sepertimana telah disebutkan. Manakala jenayah-jenayah yang sentiasa berubah-ubah bentuknya mengikut perubahan masa dan keadaan yang berpunca daripada tabiat manusia yang boleh menerima perubahan seperti jenayah-jenayah moden yang ada pada hari ini, Islam mengemukakan hukuman-hukuman yang boleh berubah-ubah bentuk dan kadarnya mengikut kesesuaian yang dilihat oleh pemerintah pada ketika itu iaitu melalui hukuman *ta'zir* (al-'Attar, 1993: 95).

Oleh kerana besarnya mudarat jenayah-jenayah hudud ini, penyelesaian yang dikemukakan oleh Allah s.w.t. bukan sekadar melalui hukuman hudud sahaja, tetapi Allah telah mengemukakan pelbagai bentuk penyelesaian lain yang berbentuk pencegahan seperti arahan-arahan agar berakhhlak dengan akhlak yang baik dan beriman serta beramal soleh, penjelasan-penjelasan berkenaan azab buruk bagi mereka yang melakukan kejahanan dan

sebagainya. Kesemuanya ini berpaksikan kepada dasar pensyariatan hukuman dalam Islam yang meletakkan kesempurnaan akhlak sebagai sandarannya yang paling utama (Audah, 1992: 1: 70).

Di samping itu, Allah s.w.t juga telah mengemukakan sistem-sistem dalam masyarakat yang bertindak sebagai pencegahan kepada jenayah-jenayah tersebut. Di antaranya bagi jenayah-jenayah seperti pencurian dan perompakan, Islam mengemukakan sistem yang dapat memfokuskan kepada pencegahan sebab-sebab yang membawa kepada perlakuan tersebut. Dalam perkara ini, di antara sebab-sebab yang membawa kepada berlakunya jenayah-jenayah ini ialah disebabkan kesempitan hidup dan kemiskinan, maka Islam mengemukakan suatu sistem yang dapat membendung masalah ini melalui penetapan sistem zakat<sup>1</sup>. Manakala bagi mengelakkan berlakunya jenayah zina pula Islam telah mengemukakan ketetapan-ketetapan tertentu bagi para wanita iaitu antaranya ialah mereka tidak dibenarkan melakukan perlakuan-perlakuan yang boleh merangsangkan nafsu lelaki apabila berhadapan dengan mereka<sup>2</sup> (Mahir, 1972: 109-111).

#### **4.0.HUKUMAN HUDUD DAN MASLAHAH**

Penetapan hukuman hudud sebagai kategori hak Allah menunjukkan hubungan yang kukuh antara hudud dan *maslahah*. Ini disebabkan dari sudut syariat Islam, sesuatu yang dikira sebagai hak Allah s.w.t adalah merujuk kepada perkara sama ada berbentuk pengarahan atau pencegahan daripada Allah s.w.t. yang menjanjikan kebaikan dan kemanfaatan kepada masyarakat umum sekiranya diikuti. Sesuatu yang dinisbahkan kepada Allah s.w.t juga

---

<sup>1</sup> Rujuk al-Quran, surah al-Taubah 9: 60

<sup>2</sup> Rujuk al-Quran, al-Ahzab 33:33

menunjukkan kedudukannya yang besar (Bahnasi, 1983: 98). Manakala dari sudut ilmu perundangan, Dr. <sup>c</sup>Abd al-Qadir <sup>c</sup>Audah (1992: 19) menyatakan bahawa hak Allah ini diterjemahkan sebagai perkara-perkara yang menyentuh *maslahah* umum atau dikenali dalam istilah popular zaman sekarang sebagai hak awam atau hak masyarakat (*public right*). Selain daripada itu, hudud yang merupakan hak Allah juga bermaksud bahawa ia merupakan suatu hukuman yang tidak boleh ditarik balik atau diubah sama ada oleh individu atau kumpulan disebabkan peranan menarik balik atau mengubahnya hanya merupakan hak Allah semata-mata (<sup>c</sup>Audah 1992: 79). Berhubung perkara ini, Imam al-Qarafi (1925: 142) telah merumuskan maksud Hak Allah dalam hukuman hudud ini dengan berkata: “Segala sesuatu yang hamba (manusia) mempunyai hak untuk menggugurkan ketetapannya dikira sebagai hak hamba (manusia) manakala sesuatu yang mereka tiada hak untuk menggugurkannya dikira sebagai hak Allah”

Ketetapan hudud sebagai hak Allah ini memberi implikasi bahawa hukuman yang bertujuan memelihara *maslahah* masyarakat ini ditentukan Allah secara mutlak dan bukan melalui penentuan akal dan lojik manusia yang mudah berubah-ubah melalui pelbagai faktor. Ia bermaksud bahawa pengiktiran *maslahah* dalam perlaksanaan hukuman hudud menafikan secara langsung campurtangan hawa nafsu syahwat yang selalunya lebih cenderung kepada kerosakan dan melebihikan *maslahah* peribadi sahaja (Abu Zahrah, t.th. 39-40).

Penjelasan ini bukan bermaksud bahawa Islam menafikan kepentingan penjagaan *maslahah* peribadi, bahkan Islam menerima sebagai *maslahah* yang hakiki (*maslahah* yang diiktiraf) sekiranya ia bertepatan atau tidak bertentangan dengan *maslahah* umum. Ini adalah disebabkan, pandangan Islam dalam penentuan perlakuan-perlakuan yang dikira sebagai jenayah dan *jarimah* adalah berdasarkan pertangannya dengan *maslahah hakiki* (Abu

Zahrah, t.th. : 46). Selain itu, walaupun perlaksanaan hukuman hudud dilihat dengan mata kasar sebagai *mafsadah* (kerosakan), Islam tetap menetapkannya demi untuk melindungi *maslahah* umum yang lebih utama dijaga (<sup>c</sup>Audah, 1992: 68).

Keterangan di atas menunjukkan bagaimana hubungan yang erat antara hukuman hudud dan *maslahah*. Ia secara tidak langsung menunjukkan terdapat hubungan antara hudud dengan pembentukan masyarakat yang baik selari dengan konsep *maslahah* itu sendiri yang menjamin manfaat dan menolak kemudaratannya dalam masyarakat. Bagi menjelaskan perkara ini dengan lebih mendalam maka dikemukakan beberapa prinsip hukuman hudud yang menjurus kepada pembentukan masyarakat yang baik seperti berikut:

## I. PRINSIP PEMELIHARAAN *MASLAHAH* YANG LEBIH UTAMA

Sebagai contohnya, jenayah zina jika diteliti dengan mendalam, terdapat unsur *maslahah* peribadi (kepentingan peribadi) yang kembali kepada pelakunya iaitu ia dapat menyelesaikan konflik hati dan memuaskan hawa nafsu yang membuak-buak dalam dirinya. Tetapi pada hakikatnya perlakuan jenayah tersebut jelas telah menafikan suatu sistem yang telah dibentuk untuk memelihara masyarakat iaitu perkahwinan. Sekiranya ia tidak dibendung, masyarakat akan menganggap ia merupakan perkara biasa dan semakin ramai individu dalam masyarakat tersebut yang akan meninggalkan sistem ini disebabkan mereka boleh memuaskan nafsu tanpa mengikut sistem tersebut. Rentetan daripada perkara ini boleh merosakkan zuriat atau lebih teruk daripada itu, menghentikan pengembangan zuriat dalam sesebuah masyarakat, sedangkan manusia amat memerlukan zuriat yang baik demi wujudnya generasi yang

sejahtera. Sebaliknya, kerosakan zuriat yang berlaku akan melahirkan masyarakat yang porak peranda.

Jelasnya, penetapan hukuman hudud yang antara lainnya hukuman terhadap jenayah zina sepetimana yang disebutkan bukanlah dilihat pada kesannya terhadap individu semata-mata iaitu pencerobohan terhadap mangsa zina sahaja. Tetapi lebih daripada itu, ia menjurus kepada melihat kesannya terhadap masyarakat yang dikenali sebagai *maslahah* atau kepentingan umum (Abu Zahrah, 1987: 92-94).

## II. PRINSIP PENGHUKUMAN DENGAN HUKUMAN BERAT

Jenayah yang dimasukkan dalam kategori hudud ini merupakan jenayah yang memberikan kesan buruk yang amat besar kepada masyarakat di samping wujud pada sepanjang zaman disebabkan ia suatu yang lahir daripada tabiat yang dimiliki manusia sepanjang zaman. Oleh kerana itu, hukuman hudud ditetapkan Allah dengan hukuman yang bersifat berat. Ia bertujuan bagi membendung serta mencegah masyarakat daripada menjadi rosak akibat jenayah-jenayah yang wujud sepanjang zaman apabila manusia lari daripada cara hidup yang dianjurkan Allah menerusi panduan agamaNya. Berikut hukuman-hukuman tersebut:

JENAYAH	HUKUMAN
Zina	100 sebatan dan pengasingan selama setahun bagi penjenayah yang belum bernikah dan rejam dengan batu sehingga mati kepada penjenayah yang telah bernikah ( <sup>c</sup> Audah, 1992: 640)
<i>Qazaf</i>	80 kali sebatan serta dinafikan hak penyaksian ( <sup>c</sup> Audah, 1992: 649)
Minum Arak	80 kali sebatan ( <sup>c</sup> Audah, 1992: 649)

Mencuri	Dipotong pergelangan tangan kanan apabila sabit kesalahan yang pertama.  Bagi kesalahan kedua dipotong pergelangan tangan kiri dan begitulah urutan seterusnya jika masih mencuri (^Audah, 1992: 652)
<i>Hirabah</i> (perompak)	Sekiranya mengambil harta mangsa dan membunuhnya maka hukumannya ialah dibunuh dan disalib. Jika mengambil harta sahaja hukumannya ialah dipotong pergelangan tangan kanan serta pergelangan kaki kiri(al-Sarhasi, 1989: 195) Tetapi jika tidak mengambil harta dan tidak membunuh dihukum buang negeri sahaja (^Audah, 1992: 660)
Murtad	Dibunuh dan segala hartanya dirampas (^Audah, 1992: 662)
<i>Bughah</i>	Dibunuh

Hukuman-hukuman berat yang ditetapkan ini didatangkan dalam keadaan sedemikian rupa bertujuan untuk memberi pengajaran kepada manusia yang ingin melakukan jenayah agar tunduk kepada cara hidup yang telah digariskan Allah. Melalui hukuman-hukuman tersebut, seseorang yang ingin melakukan jenayah akan menyedari bahawa walaupun mereka dapat menyempurnakan *maslahah* peribadi melalui perlakuan jenayah, namun mereka akan terdedah kepada *mafsadah* (kerosakan) yang lebih berat iaitu dikenakan hukuman hudud.

Rasional yang boleh dipetik di sini ialah mereka secara tidak langsung akan menghindari perlakuan jenayah tersebut kerana memikirkan *mafsadah* lebih dominan terhadap diri mereka berbanding dengan *maslahah* yang bakal dikecapi (^Audah, 1992: 69). Ia juga bertepatan dengan penjelasan al-Quran berkenaan fitrah manusia yang akan merasa takut dan tertekan apabila diancam atau berhadapan dengan sesuatu bencana yang mereka yakin akan berlaku ke

atas diri mereka dan sebaliknya akan kembali bersahaja apabila meyakini bahawa segala kesusahan dan ancaman tersebut dapat dihindari. Firman Allah:

وَإِذَا مَسَ الْاَنْسَانُ الضُّرُّ دَعَا لِجَنْبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلِمَا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مِنْ كَأْنَ لَمْ يَدْعُنَا إِلَى ضُرٍّ مُّسَهٍ كَذَلِكَ زَيْنَ

لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Dan apabila manusia ditimpah bahaya dia berdoa kepada kami dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah kami hilangkan bahaya tersebut daripadanya, dia kembali melalui jalannya yang sesat, seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada Kami untuk menghilangkan bahaya yang telah menimpanya. Begitulah orang-orang yang melampaui batas itu memandang baik apa yang mereka kerjakan.”

(al-Quran; Surah Yunus: 12)

### III. PRINSIP MEMPERBETULKAN TABIAT / FITRAH MANUSIA

Hukuman hudud yang ditetapkan oleh Allah bersifat menyalurkan penyelesaian terhadap permasalahan jenayah melalui konsep memperbetulkan fitrah manusia yang sememangnya cenderung kepada *maslahah* yang kembali kepada dirinya sendiri. Tabiat dan fitrah ingin menyelamatkan diri ketika menghadapi tekanan dan kesukaran ini sepertimana yang dijelaskan di atas adalah suatu yang tetap ada pada diri manusia pada sepanjang zaman. Ini menunjukkan bagaimana Allah telah mengemukakan suatu penyelesaian bersifat tetap kepada masalah bersifat tetap yang juga lahir daripada tabiat dan fitrah yang bersifat tetap.

#### **IV. PRINSIP PENCEGAHAN**

Perlaksanaan hukuman hudud dalam bentuk sepertimana telah dipaparkan membawa kepada prinsip pencegahan daripada hukuman hudud itu sendiri. Perkara ini dapat dilihat dalam paparan sejarah yang telah menunjukkan bahawa memadai dengan pengiklanan perlaksanaan hukuman hudud telah dapat mengurangkan kadar kes-kes jenayah di sesuatu tempat. Sebagai contohnya ialah kisah Hisyam Bin <sup>c</sup>Abd al-Malik pernah menghentikan perlaksanaan hukuman potong tangan bagi kes-kes kecurian yang berlaku dalam pemerintahannya selama setahun. Implikasi yang timbul ialah semakin banyak kes kecurian yang berlaku dalam kawasan pemerintahannya dalam jangka waktu masa tersebut. Lalu apabila hukuman hudud iaitu hukuman potong tangan kepada mereka yang sabit atas kesalahan mencuri diumum penguatkuasaan semula, sudah cukup untuk menggerunkan pencuri-pencuri di situ dan sekaligus telah dapat mengawal situasi negara daripada ancaman jenayah curi (Abu Zahrah, 1987: 95).

#### **5.0.HUKUMAN HUDUD DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG BAIK**

Islam mengira bahawa akhlak baik sebagai antara asas yang terpenting dalam Islam itu sendiri. Kesejahteraan, kekuatan dan ketinggian masyarakat adalah bergantung kepada betapa kuat pegangan mereka terhadap akhlak yang baik. Manakala kehancuran masyarakat pula adalah bertitik-tolak daripada hilang dan jauhnya mereka daripada akhlak ini. Al-Quran dan sejarah juga menunjukkan bahawa setiap umat yang hebat dan berjaya adalah disebabkan mereka memiliki akhlak baik dan dalam masa sama menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan keji (Ibnu Taimiyah, 2001: 5). Merujuk kepada kenyataan ini serta matlamat penurunan syariat seperti telah dibincangkan, maka masyarakat yang baik adalah merupakan

masyarakat yang terpelihara akhlaknya selari dengan anjuran al-Quran. Perkara ini diperkuatkan dengan pandangan-pandangan tokoh-tokoh sejarah dan tamadun seperti Ibnu Khaldun (1978: 61-70) dan Arnold Toynbee (<sup>c</sup>Abd al-Ghanī <sup>c</sup>Abūd, 1981: 49) yang melihat bahawa masyarakat yang berakhhlak baik sebagai asas kepada kebangunan tamadun manakala masyarakat yang runtuh akhlaknya membawa kepada kehancuran tamadun. Antara petanda kehancuran akhlak dan kejatuhan sesebuah masyarakat adalah terserlahnya penyakit individualistik dalam masyarakat dan tenggelam dalam kehidupan yang dipengaruhi nafsu (Muhammad Haishur, 1997: 114-115).

Berdasarkan kepada perbincangan hukuman hudud dan *maslahah* serta konsep masyarakat yang baik di atas, secara umumnya dilihat bahawa hukuman hudud yang berteraskan konsep pemeliharaan *maslahah* ini berupaya membawa kepada pembentukan masyarakat manusia yang baik. Iaitu hukuman hudud ini menjadi pelengkap kepada keseluruhan sistem-sistem dalam Islam khususnya dalam menangani manusia yang sukar dididik dengan kaedah-kaedah selain hukuman. Antara lain, hukuman hudud mengenangkan hukuman yang bersifat mendidik jiwa agar tidak cenderung kepada melakukan jenayah dan dalam masa yang sama bersifat mencegah mereka yang masih mempunyai keinginan menebal untuk melakukan jenayah.

Walaupun begitu, sebagai salah satu elemen dalam syariat Islam, perlaksanaan hukuman hudud semata-mata bukanlah satu-satunya penyelesaian kepada persoalan pembentukan masyarakat yang baik. Penyelesaian yang terbaik adalah menerusi perlaksanaan keseluruhan syariat Islam di dalam masyarakat. Ini adalah merujuk kepada kedudukan keseluruhan syariat Islam yang seumpama suatu sistem yang saling lengkap-melengkapi. Apabila ia dijalankan

keseluruhannya maka pemeliharaan *maslahah* dalam masyarakat akan terjamin seterusnya membawa kepada pembentukan masyarakat yang baik secara menyeluruh.

## 6.0.KESIMPULAN

Kesimpulannya, hukuman hudud yang berasaskan kepada konsep pemeliharaan *maslahah* memberi implikasi pemeliharaan kemaslahatan masyarakat sepetimana dijanjikan Allah. Ia sebagai sebahagian daripada sistem dalam kerangka syariat yang menyokong ke arah pembentukan masyarakat yang baik itu sendiri. Inilah merupakan keunikan utama hukuman hudud berbanding dengan undang-undang ciptaan yang lain.

## RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad (1987), *Ahkam al-Jarimah wa al-<sup>c</sup>Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*, Jordan : Maktabah al-Manar
- Abu Zahrah, Muhammad (t.th.), *al-<sup>c</sup>Uqubah*, t.tpt. : Dar al-Fikr al-cArabi.
- al-Buti, Dr. Said Ramadhan (1982), *Dawabit al-Maslahah Fi Syari<sup>c</sup>ah al-Islamiyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- al-<sup>c</sup>Alim, Yusuf Hamid (1991), *al-Maqasid al-<sup>c</sup>Ammah Li al-Syari<sup>c</sup>ah al-Islamiyah*, Herndon: International Institute of Islamic Thought.
- al-<sup>c</sup>Attar, cAbd Nasir Taufiq (1993), *Tatbiq al-Syari<sup>c</sup>ah al-Islamiyah Fi al-<sup>c</sup>Alam al-Islami*, Jordan: Maktabah al-Manar.
- al-Qarafi, Ahmad Ibn Idris (1925) *al-Furuq*, Mesir: Dar al-Ihya' al-Kutub al-cArabiyyah.
- al-Shāṭibī, Abī Ishak Ibrāhim Ibn Musā al-Lahmi al-Gharnātī (1969), *al-Muāfaqat Fī Uṣul al-Ihkām*, j. 1, Qāhirah: Maktabah wa Matba<sup>c</sup>ah Alī Sobih wā Aulāduhu.
- Bahnasi, Ahmad Fathi (1983), *al-Siyasah al-Jina'iyyah Fi al-Syari<sup>c</sup>ah al-Islamiyyah*, Beirut: Dar al-Syuruq.
- cAbd al-Qadir (1992) *al-Tasyri<sup>c</sup> al-Jina'i al-Islami Muqaranan Bi al-Qanun al-Wad'i*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Dr. <sup>c</sup>Abd al-Ghanī <sup>c</sup>Abūd (1981) *al-Ḥadārah al-Islāmiyah wa al-Ḥadārah al-Mu<sup>c</sup>aṣīrah: Silsilah al-Islam Fī Tahaddiyat al-<sup>c</sup>Aṣri*, kitāb ke 12, c. 1, t.tpt.: Dār al-Fikri al-Arabī.

- Ibnu Khaldūn (1978), *al-Mukhtār Min al-Turāth al-<sup>c</sup>Arabī: Min Muqaddimah Ibni Khaldūn: al-Siyāsat wa al-Iqtisād*, Suhail Uthman & Muhammad Darwish (Tahqīq), Damshik: Manshurat Wizārat al-Thaqāfah wā al-Irsyād al-Qaumī, Damshik
- Ibnu Taimiyah, Taqiyuddin Ahmad (2001), *Makārim al-Akhlāq*, <sup>c</sup>Abdullah Badrān & Muhammad <sup>c</sup>Umar al-Hāj (Tahqiq), c. 1, Beirut: al-Maktabah al-<sup>c</sup>Asriyah.
- Mahir, Muhammad (1972), *al-Kafah Diddu al-Jarimah fī al-Islam*, t.tp. : Matabi' al-Ahram al-Tijariyah.
- Muhamad Haishūr, (1997), *Sunan al-Qurān Fī Qiyam al-Hadhārat wa Suqutihā*, c. 1. Mansūrah: Dar al-Wafā'.